

# Program i3S bakal diperluas penggunaannya ke Labuan

Oleh: JAINUDIN DJIMIN

**LABUAN:** Program i3S (Intergrated School Support) iaitu sistem kehadiran sekolah dan sistem pembayaran elektronik bebas tunai yang sudahpun dilaksanakan di 60 buah sekolah di Selangor dan Johor bakal diperluaskan penggunaannya di Wilayah Persekutuan Labuan.

Pelaksanaan program ini akan dilaksanakan oleh Syarikat Winner Touch dengan sokongan Jabatan Pendidikan Labuan telah memilih SMK Labuan sebagai sekolah per-

intis pelaksanaan program tersebut yang akan dilancarkan pada April depan.

Pengarah Winner Touch, Mohd Fahiz Izzat Abdullah, berkata i3S adalah akronim bagi Sistem Pengurusan Sekolah Bersepadu (Sistem Pengurusan Murid) yang menyediakan kad pengenalan pelajar untuk mengambil kehadiran pelajar ke sekolah secara automatik dan membuat bayaran sekolah dengan lebih mudah.

"Selain itu pelajar yang sudah mendaftar dengan i3S boleh membuat pembayaran tanpa tunai di



**KAD ...** Mohd Fahiz (tengah) menunjukkan Kad kehadiran pelajar dan pembayaran tanpa tunai kepada media sambil diperhatikan oleh Siew Teck See (empat dari kanan) dan staff Winner Touch.

kantin dan juga koperasi sekolah yang secara langsung dapat dipantau oleh ibu bapa dan penjaga selepas membuat pendaftaran melalui aplikasi yang disediakan" katanya.

Beliau berkata demikian pada Sidang Media Pelancaran i3S, Sistem Kehadiran dan Sistem Pembayaran Elektronik Bebas Tunai di Sekolah Seluruh Labuan yang diadakan di salah sebuah hotel dekat sini, pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah Urusan Syarikat Winner Touch, Siew Teck

See.

Mohd Fahiz berkata, ketika ini program i3S sudahpun dilaksanakan di seluruh sekolah di Selangor dan Johor selepas mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

"Di Labuan kami telahpun mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Labuan dan SMK Labuan merupakan sekolah yang kami pilih sebagai perintis yang kita akan dilancarkan pada bulan April tahun ini" katanya.

Beliau berkata, antara lain objektif pelaksanaan i3S ini untuk meringankan beban pengurusan pelajar di setiap sekolah dan pada sama mendedahkan generasi muda kepada pengalaman pembayaran tanpa tunai yang telah pun diamalkan di negara-negara maju.

"Kami di Winner Touch akan terus berusaha untuk menyediakan teknologi dan perkhidmatan i3S sebagai satu sistem yang boleh dipercayai dan juga sesuai untuk digunakan dengan selamat" katanya.